

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) TAHUN 2019

1. SYARAT TAWARAN

1.1. Tawaran ini **TERBATAL** sekiranya anda tidak memenuhi syarat seperti yang berikut:

- 1.1.1. Warganegara Malaysia.
- 1.1.2. Memenuhi syarat kemasukan seperti yang diiklankan.
- 1.1.3. Sihat tubuh badan dan telah diperakukan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar seperti di dalam Borang Pemeriksaan Kesihatan.
- 1.1.4. Tiada kecacatan anggota yang boleh menghalang anda daripada mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum atau tidak berupaya naik turun bangunan.
- 1.1.5. Memberi maklumat yang benar dalam permohonan online.

SEMASA BERADA DI MRSM JIKA DIDAPATI ANDA TIDAK DAPAT MENGIKUTI PERSEKOLAHAN DENGAN SEMPURNA ATAS SEBAB KESIHATAN, MARA BERHAK MENAMATKAN PENGAJIAN ANDA.

2. PERSIAPAN KE MAKTAB

2.1. Membuat pemeriksaan kesihatan

Pemeriksaan kesihatan boleh dibuat atas perbelanjaan sendiri di :

- a) Hospital Kerajaan / Swasta
- b) Klinik Kerajaan / Swasta

2.2. Sila lengkapkan borang-borang yang telah disediakan untuk diserahkan semasa hari pendaftaran (Sila **MUAT TURUN** Borang Pendaftaran Pelajar Baharu melalui portal semakan tawaran mulai **26 Disember 2018**)

PERKARA

- a) Borang Pengakuan Penerimaan Tawaran
- b) Borang Keizinan Pembedahan
- c) Borang Maklumat Peribadi
- d) Borang Keahlian Koperasi
- e) Borang Kebenaran Menyertai Aktiviti Maktab
- f) Borang Keizinan Rawatan dan Pembedahan Gigi
- g) Borang Permohonan Bantuan Kewangan
- h) Borang Permohonan Pemeriksaan Kesihatan

LAMPIRAN

- A
- B1, B2
- C
- D1, D2
- E1, E2, E3
- F
- G
- H1, H2, H3

2.3. Pada **HARI PENDAFTARAN** anda dikehendaki membawa perkara-perkara seperti yang berikut:

- a) Surat Tawaran rasmi MRSM
- b) Borang Pemeriksaan Kesihatan
- c) Salinan keputusan PT3 atau UPSR yang telah disahkan benar.
- d) Salinan Sijil Kelahiran yang telah disahkan benar.
- e) Salinan Kad Pengenalan Pelajar, Ibu dan Bapa/Penjaga yang telah disahkan benar.
- f) Slip Gaji/Penyata Pendapatan/Pengesahan Pendapatan Ibu/Bapa/Penjaga.
- g) 12 keping gambar berukuran pasport yang bertulis Nama dan Nombor MyKad anda di belakangnya.
- h) Resit-resit pembayaran

3. PERATURAN PAKAIAN PELAJAR MRSM

Sila rujuk Lampiran 1.

4. KEPERLUAN HARIAN

Pelajar dikehendaki membawa barang-barang keperluan harian yang lain untuk kegunaan di maktab.

5. BAYARAN PERSEKOLAHAN DAN BANTUAN KEWANGAN

5.1 BAYARAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU TINGKATAN 1 DAN TINGKATAN 4 2019

Bayaran Pendaftaran sebanyak **RM 342.00** boleh dibuat mulai **26 Disember 2018** menggunakan No. Akaun Pelajar yang tertera di sudut atas kanan surat tawaran rasmi.

BIL.	PERKARA	BAYARAN (RM)	CATATAN
1.	Bayaran <i>Extra-Mural Recreation</i>	50.00	Bayaran Untuk Satu Tahun
2.	Bayaran Wang Caruman	60.00	Bayaran Untuk Satu Bulan
3.	Skim Takaful Insurans Pelajar MRSM (Termasuk Cukai Jualan 6%)	14.00	Perlindungan Insurans Untuk Satu Tahun
4.	Khidmat Dobi	10.00	Bayaran Untuk Satu Bulan
5.	Saham Koperasi	21.00	Bayaran Untuk Satu Tahun
6.	Yuran Pendaftaran Muafakat	20.00	Sekali Sahaja Sepanjang Pengajian
7.	Yuran Keahlian Muafakat	50.00	Bayaran Untuk Satu Tahun
8.	Program Penyesuaian Diri	20.00	Bayaran Untuk Ting 1 dan Ting 4 Sahaja
9.	Majalah Maktab	20.00	Bayaran Untuk Satu Tahun
10.	Bayaran Komputer	50.00	Bayaran Untuk Ting 1 dan Ting 4 Sahaja
11.	Bayaran Badan Wakil Pelajar	7.00	Bayaran Untuk Satu Tahun
12.	Bayaran Kertas Ujian	20.00	Bayaran Untuk Satu Tahun
	JUMLAH	342.00	

5.2 BAYARAN TAMBAHAN BAGI PELAJAR YANG DITAWARKAN MRSM PROGRAM SPMRSM IGCSE. BAYARAN DI BUAT DI PEJABAT MRSM SEMASA TINGKATAN 2 DAN TINGKATAN 4. BAYARAN INI ADALAH TANGGUNGAN IBU BAPA/PENJAGA PELAJAR.

BIL	PERKARA	BAYARAN
1.	Ujian Cambridge Lower Secondary 1 (Tingkatan 2)	RM 405.00
2.	Peperiksaan Cambridge IGCSE (Tingkatan 4)	RM 2130.00

*Kadar bayaran tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh Cambridge Assessment International Examination (CAIE).

5.3 BERHENTI DARI MRSM

Sekiranya pelajar telah mendaftar diri di MRSM dan kemudiannya menarik diri atau berhenti, semua bayaran yang telah dijelaskan **tidak akan dikembalikan**.

5.4 CARA MEMBUAT BAYARAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU MRSM

Bayaran digalakkan dibuat melalui MARA Electronic Payment System (MARAeps). Sila layari <https://bayar.maraeps.my/login.php> untuk membuat pembayaran dan untuk rujukan jika terdapat sebarang masalah.

Bayaran Pendaftaran sebanyak **RM 342.00** boleh dibuat mulai **26 Disember 2018** menggunakan Nombor Akaun Pelajar yang tertera di sudut atas kanan surat tawaran rasmi. Bayaran ini boleh dibuat sebelum hari pendaftaran pelajar. Contoh nombor akaun pelajar adalah seperti berikut:

Contoh : Bayaran pendaftaran untuk pelajar Mohd Afiq B Ahmad
No. Akaun Pelajar : 33122xxxxxxx
Amaun bayaran yuran pendaftaran RM 342.00

5.5 BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN

Pelajar WAJIB membuat pemeriksaan kesihatan menggunakan borang yang disertakan di hospital/klinik kerajaan atau swasta.

5.6 BANTUAN KEWANGAN

Pelajar yang memerlukan bantuan kewangan boleh memohon dengan mengisi Borang Permohonan Bantuan Kewangan BKM01 yang disertakan dalam Senarai Semak dan Borang Pendaftaran 2018, sebanyak 2 salinan dan serahkan kepada Pengetua MRSM berkenaan pada hari pendaftaran. Hanya pelajar yang diluluskan Permohonan Bantuan Kewangan sahaja akan dimaklumkan kemudian.

6 PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG MAKTAB

Semua pelajar dikehendaki mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh MARA dan maktab. (Sila rujuk Buku Peraturan Maktab)

7 PROGRAM PENYESUAIAN DIRI BAGI PELAJAR BARU

Semua pelajar baru diwajibkan mengikuti Program Penyesuaian Diri yang diadakan di maktab.

8 UJIAN ASAS MATEMATIK

Semua pelajar baru perlu menduduki ujian asas Matematik yang akan dikendalikan oleh Jabatan Matematik. Pelajar diminta bersedia menduduki ujian ini.

PAKAIAN SERAGAM PELAJAR MRSM

Jenis-jenis pakaian dan masa pemakaian adalah seperti berikut;

PERATURAN PAKAIAN UNTUK AKTIVITI MAKTAB

BIL.		PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
1.	Waktu Kelas Akademik	<p>Baju kemeja berlengan panjang berwarna 'beige' muda dan seluar panjang berwarna coklat atau baju kemeja berlengan panjang berwarna biru muda dan seluar panjang berwarna biru tua.</p> <p>Berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Bertali leher maktab.</p> <p>Tali pinggang berwarna gelap (hitam / coklat). Lebarnya 2.5 – 3cm dan berkepala kecil.</p> <p>Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.</p>	<p>Baju kurung berwarna 'beige' muda dan kain kurung berwarna coklat atau baju kurung berwarna biru muda dan kain kurung berwarna biru tua.</p> <p>Berkasut kulit / PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5cm, berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.</p>
2.	Waktu Perhimpunan dan Upacara Rasmi	<p>Baju kemeja berlengan panjang berwarna 'beige' muda dan seluar panjang berwarna coklat.</p> <p>Berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Bertali leher maktab.</p> <p>Tali pinggang berwarna gelap (hitam / coklat). Lebarnya 2.5 – 3cm dan berkepala kecil.</p> <p>Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.</p>	<p>Baju kurung berwarna 'beige' muda dan kain kurung berwarna coklat.</p> <p>Berkasut kulit / PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5cm, berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.</p>

3.	Badan Uniform, Kelab/Persatuan	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab / Persatuan.	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab / Persatuan.
BIL.		PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
4.	Kelas Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan (Praktikal)	<p>'Track bottom' warna hitam / biru gelap. Baju T berkolar berwarna putih.</p> <p>Kasut sukan dan berstoking.</p>	<p>'Track bottom' warna hitam / biru gelap. Baju T berkolar berwarna putih dan berlengan panjang.</p> <p>Kasut sukan dan berstoking.</p>
5.	Sukan & Permainan	<p>Seluar pendek dengan 'tights' berwarna gelap atau track bottom berwarna gelap.</p> <p>Baju T tanpa bercetak ('Plain T-Shirt') atau baju T rumah sukan.</p> <p>Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan.</p>	<p>Track bottom berwarna gelap.</p> <p>Baju T tanpa bercetak ('Plain T-Shirt') atau baju T rumah sukan berlengan panjang.</p> <p>Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan.</p>
6.	Aktiviti Ko-Kurikulum	Berpakaian mengikut Badan Uniform yang dianggotai atau baju T berkolar berwarna bebas tanpa corak. Kasut yang bersesuaian dengan aktiviti.	Berpakaian mengikut Badan Beruniform yang dianggotai atau Baju Kurung berwarna bebas. Kasut yang bersesuaian dengan aktiviti.
7.	Keluar Bandar / Pulang Bermalam / Kembali ke Maktab	Pakaian Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab atau Baju T Rasmi Maktab dan berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam dan memakai tanda nama.	Baju Kurung Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab dan Berkasut Kulit / PVC hitam berstoking dan memakai tanda nama.

8.	Berkelah	Baju T berkolar. Seluar <i>slacks</i> / <i>track bottom</i> . Sandal bertali / kasut berstoking.	Baju T berlengan panjang. <i>Track bottom</i> . Sandal bertali / kasut berstoking.
9.	Kerja luar mengikut Guru (<i>fieldwork</i>)	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.
BIL.		PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
10.	Sembahyang Jumaat	Baju Melayu lengkap berwarna putih, bersamping maktab. Bersongkok hitam. Kasut / sandal.	Tiada.
11.	Majlis/Jamuan Rasmi.	Baju Melayu lengkap / pakaian rasmi maktab / batik maktab. Berkasut hitam dan berstoking. Pakaian yang ditetapkan oleh maktab.	Baju Kurung / pakaian rasmi maktab / Baju batik maktab. Berkasut dan berstoking. Pakaian yang ditetapkan oleh maktab.
12.	Kelas Persediaan (Petang)	Pakaian rasmi maktab / baju kemeja / baju T dan seluar <i>slacks</i> . Berkasut dan berstoking.	Baju Kurung berwarna bebas. Berkasut dan berstoking.
13.	Kelas Persediaan (Malam)	Baju Melayu / baju kemeja dan berseluar <i>slacks</i> . Kasut / sandal.	Baju Kurung. Blaus berlengan panjang dan skirt labuh melebihi paras lutut (untuk pelajar bukan beragama Islam). Kasut / sandal.
14.	Hari Cuti	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.
15.	Majlis Keagamaan	Baju Melayu lengkap, bersongkok serta sesuai	Pakaian yang menutup aurat dan kemas serta

		dengan majlis.	sesuai dengan majlis.
16.	Surau	Baju Melayu lengkap / Baju Melayu dengan seluar panjang 'slacks' atau kain pelekat atau jubah. Baju kemeja atau baju T berkolar dengan kain pelekat / seluar panjang 'slacks'. Bersongkok / kopiah dan serban.	Baju Kurung / jubah dan memakai telekung sembahyang yang lengkap.
BIL.		PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
17.	Dewan Selera	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas.	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas.
		Malam / Hujung Minggu / Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.	Malam / Hujung Minggu / Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.
18.	Kelas Tambahan / Kelas Gantian	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas.	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas.
		Hujung Minggu / Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.	Malam / Hujung Minggu / Cuti Am : Pakaian mestilah kemas dan bersih.
19.	Pakaian Semasa Lawatan	Lawatan Rasmi : Pakaian adalah seperti ke kelas.	Lawatan Rasmi : Pakaian adalah seperti ke kelas.
		Lawatan Tidak Rasmi : Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.	Lawatan Tidak Rasmi : Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.

BARANG-BARANG SEPERTI YANG BERIKUT TIDAK DIBENARKAN DIBAWA KE MAKTAB :

- A. SELUAR JEANS / CORDUROY / SELUAR LUSUH
- B. BARANG-BARANG KEMAS
- C. PERALATAN YANG BOLEH MENDATANGKAN BAHAYA DAN MENGANCAM KESELAMATAN.

CARA BAYARAN YURAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU MRSM TINGKATAN 1 DAN 4

Bayaran digalakkan dibuat melalui MARA Electronic Payment System (MARAeps). Sila layari <https://bayar.maraeps.my/login.php> untuk membuat pembayaran dan untuk rujukan jika terdapat sebarang masalah.

Bayaran Pendaftaran sebanyak **RM 342.00** boleh dibuat mulai **26 Disember 2018** menggunakan Nombor Akaun Pelajar yang tertera di sudut atas kanan surat tawaran rasmi. Bayaran ini boleh dibuat sebelum hari pendaftaran pelajar. Contoh nombor akaun pelajar adalah seperti berikut:

Contoh : Bayaran pendaftaran untuk pelajar Mohd Afiq B Ahmad
No. Akaun Pelajar : 33122xxxxxx
Amaun bayaran yuran pendaftaran RM 342.00

Sila pastikan nombor akaun perseorangan pelajar yang digunakan adalah seperti yang tertera pada Surat Tawaran pelajar. Bayaran pendaftaran juga boleh dibuat melalui kemudahan seperti berikut :-

Kemudahan / Perkhidmatan
i. Kaunter Bayaran Tingkat 2, Ibu Pejabat MARA, K.Lumpur ii. Kaunter Bayaran Pejabat MARA Negeri iii. Kaunter Bayaran Pejabat MARA Daerah